

**ETIMOLOGI NAMA NEGERI DI MALAYSIA.** Oleh Raja Masittah Raja Ariffin. Che Ibrahim Salleh, Norazlina Mohd Kiram & Hasnah Mohamad. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, 2016. ISBN 978-967-344-597-4.

*Buku Etimologi Nama Negeri Di Malaysia* merupakan sebuah buku yang dibina hasil daripada cetusan idea mantan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia iaitu Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Beliau mengemukakan idea ini di Dewan Rakyat pada 24 November 2011 yang lalu. Hasil daripada luahan minda beliau inilah bergeraknya sebuah penyelidikan berkenaan *Etimologi Nama-Nama Negeri Di Malaysia* yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin. Prof. Madya Dr. Raja Masittah Raja Ariffin merupakan seorang pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia. Pengkhususan utama beliau adalah dalam bidang sosiolinguistik. Telah banyak sumbangan penulisan yang telah beliau terbitkan antaranya ialah, Wajah Ilmuwan Bahasa Melayu, Hassan Ahmad Wira Bahasa Yang Berwibawa, Bahasa dan Budaya Melayu di Pulau Kokos, Australia, Istilah Kerajaan Perundangan dan Perdagangan serta banyak lagi.

Penulisan dan pembuktian semula sejarah asal-usul nama tempat dan negeri di Malaysia sangat menarik dan berfokus kepada toponimi iaitu pengkajian sejarah asal-usul nama negeri-negeri di Malaysia yang melibatkan kosa kata Melayu, baik kosa kata Melayu Asli mahupun kata serapan daripada bahasa lain. Dengan wujudnya buku ini, masyarakat Malaysia dapat mengenali dan memahami asal-usul serta warisan setempat. Buku ini turut mendidik masyarakat supaya menghargai sejarah Malaysia. Perkataan etimologi menjadi pilihan penulis yang membawa maksud asal usul nama sesuatu negeri merupakan sesuatu yang amat menarik, informatif dan memberikan kepuasan kepada pengkaji dan pembaca. Etimologi kata sesebuah tempat diperoleh bukan sahaja di Semenanjung Malaysia, malah meliputi juga di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Antara salah satu cabaran yang wujud semasa menghasilkan kajian ini adalah dari aspek semantik dan ketidakwajaran aspek fonologi, etnografi serta kebolehpercayaan sejarah yang dikemukakan oleh responden.

Buku setebal 171 muka surat ini telah disajikan dengan 18 bab yang membincangkan tentang nama-nama negeri di seluruh Malaysia. Bermula dengan bab pertama yang menghuraikan konsep etimologi dan warisan, seterusnya asal-usul nama-nama negeri di Malaysia iaitu negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, dan Putrajaya. Manakala pada bab akhir buku pula dirumuskan berkenaan epilog negeri. Pada bab pertama, penulis telah mengisi penghuraian dengan konsep dan definisi etimologi sebagai satu hipotesis popular yang telah diberikan takrifan oleh sarjana dalam bidang ini. Istilah etimologi telah wujud sejak lama dahulu yang bertujuan menjelaskan asal usul kata secara ilmiah dan bukan ilmiah. Setiap etimologi yang dikemukakan oleh responden diterima dan dinilai sama ada mempunyai nilai kebolehpercayaan ataupun sebaliknya.

Pada bab 2 pula, telah dijelaskan asal usul nama negeri Johor. Sejarah telah merakamkan bahawa nama dahulu bagi Johor adalah "Hujung Tanah". Berbeza dengan catatan di dalam Syari Jawa "Negarakertagama" (1634) mengatakan bahawa nama lama bagi negeri Johor ialah "Hujung Medini" yang turut juga dipanggil sebagai Ganggayu atau Gangga Ayu, dan "Langyu" iaitu

bermaksud sebuah kerajaan besar yang terletak di hulu Sungai Johor. Asal nama negeri Johor telah terbentuk daripada pengaruh bahasa Arab iaitu perkataan “Jauhar” yang membawa maksud “permata berharga”. Di samping itu, terdapat juga maklumat daripada responden berkaitan cerita yang direka-reka. Manakala bagi nama negeri Kedah pula dipercayai terbentuk daripada beberapa unsur iaitu unsur Cina, Siam, Sanskrit, Hindi, Tamil, Arab-Parsi, dan Portugis. Kata Kedah membawa maksud watak atau kertas dari unsur Siam manakala panggilan orang Cina terhadap kedah pada abad ke-7M ke 10M adalah Kora atau Kola. Berkenaan negeri Kelantan pula, perkataan Kelantan berasal daripada perkataan Melayu iaitu “kilatan”, “berkilauan” dan “berkilau”. Kelantan Darul Naim bermaksud “Negeri Penuh Nikmat” yang terletak bersempadan dengan Selatan Thai (Patani) di bahagian timur semenanjung, dan berkongsi sempadan dengan negeri Perak di bahagian barat, dengan negeri Pahang di sebelah selatan dan bersempadan di sebelah timur dengan negeri Terengganu. Dalam kalangan orang Siam, Kelantan disebut sebagai “Klantan”.

Pada bab 5 menceritakan asal usul negeri Melaka yang tercatat dalam sejarah sebagai negeri yang mahsyur dan antara merupakan negeri yang paling bersejarah di Malaysia. Negeri Melaka berasal daripada perkataan Aran, iaitu “malqa” atau “Multaq” yang bermaksud “tempat pertemua segala pedagang atau disebut “malaqqa” yang bermaksud “pasar” atau “tempat berniaga”. Manakala pada bab 6 pula menjelaskan etimologi nama bagi negeri Pahang yang bersejarah, yang dikenali sebagai “Kota Gelanggi”. Asal usul nama Pahang berasal daripada Sungai Mahang yang mengalir di negeri yang bernama Mahang. Menurut orang Asli Jakun (keturunan Melayu Purba), nama negeri Pahang diambil bersempena dengan nama ‘Pokok Mahang’ iaitu sebatang pokok bersaiz besar yang tumbuh di Kuala Pahang Tua. Dalam bab 7 buku ini turut memuatkan paparan berkenaan kewujudan nama negeri Perak yang berasal daripada beberapa cerita dan pendapat yang pelbagai. Menurut sebuah kisah, nama negeri Perak berasal daripada nama sebatang sungai kecil yang bernama Sungai Perak yang terletak di Kampung Chegar Galah dalam daerah Kuala Kangsar. Penamaan negeri Perak dipercayai berkaitan dengan cerita putera Raja Marong Mahapudisat yang mengembara untuk membuka cerita putera Raja baharu seperti dalam Hikayat Merong Mahawangsa.

Negeri Perlis pula merupakan negeri terkecil yang wujud di Malaysia terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan Provinsi Satun dan Songkhla Thailand di sebelah utara. Walaupun asal usul nama Perlis agak kurang jelas, tetapi berdasarkan pelbagai andaian dan ceritera lisan serta tulisan yang ada mengatakan bahawa nama Perlis berasal daripada perkataan Siam “prow-lowy”, perkataan “perlus” dan nama manusia “Peran Leh”. Etimologi ini dikatakan lebih munasabah kerana pada kelazimannya orang dahulukala tidak gemar menamakan sesuatu berdasarkan nama tokoh atau ‘orang besar-besar.’ Sedikit berbeza pada bab 9 iaitu bagi negeri Pulau Pinang. Bagi negeri ini, tidak terdapat etimologi yang dapat dilihat kerana Pulau Pinang berasal daripada pokok Pinang yang banyak ditanam pada ketika itu. Manakala bagi perkataan ‘pulau’ ialah ‘pulu’ seperti yang disebut orang Melayu Kokos, khususnya di Pulau Kokos di Kepulauan *Cocos (Keeling)* iaitu sebuah pulau batu karang yang terletak di Lautan Hindi di bawah pemerintahan Australia.

Menurut catatan sejarah etimologi negeri Sabah wujud dalam tiga bentuk ejaan iaitu Sabak atau Sabah, dan Saba. Ejaan Sabak berasal daripada ejaan Jawi dan terdapat juga pendapat mengatakan perkataan Sabah berasal daripada bahasa Arab yang menyebut Sabah sebagai ‘sabat’ yang bererti tujuh. Daripada perkataan saba’ atau sabak juga dipercayai wujudnya nama Sabah kerana sabak bermaksud “tempat orang memasak gula tebu”. Bab 11 menghuraikan tentang etimologi nama negeri Sarawak yang telah diperturunkan daripada dahulu sehingga sekarang. Asalnya nama Sarawak bertitik tolak daripada kata “serah awak” dalam peristiwa penyerahan wilayah kepada Brooke oleh Sultan Brunei. Selain itu, nama Sarawak turut dikaitkan dengan perkataan “serak” yang menjurus kepada sejenis galian yang bernilai tinggi.

Bagi bab 13 iaitu Negeri Sembilan dikatakan berasal daripada perkataan orang Minangkabau yang disebut dalam kalangan mereka sebagai “Nagari” kerana negeri ini dibuka oleh orang Minangkabau. Pengertian yang terletak pada perkataan “negeri” tetapi terletak pada keluasan kawasan yang terangkum dalam negeri tersebut. Sembilan buah kawasan yang telah dikenal pasti oleh orang Minangkabau yang datang berhijrah dari seberang iaitu Sumatera untuk membentuk negeri yang Sembilan yang telah menghasilkan Negeri Sembilan. Dalam bab 14 iaitu negeri Terengganu, dikatakan berasal daripada perkataan “Terengnya ganu”, “Taring anu” dan “Terengannu”. Kata “Terengnya genu” bermaksud “terang sampai ke sana”. “Terengnya ganu” mempunyai kaitan dengan peristiwa beberapa orang pelayar dari Kelantan yang tiba di Kuala Sungai Taring Anu (kini disebut Kuala Terengganu). Bagi bab 15 pula iaitu yang merujuk kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berasal daripada etimologi yang berasaskan keadaan Sungai Kelang dan Sungai Gombak yang berlumpur. Kata “kuala” bermaksud titik pertemuan antara Sungai Gombak dengan Sungai Kelang, yang seterusnya mewujudkan nama Kuala Lumpur yang dibuka pada tahun 1857.

Asal bagi nama Labuan berasal daripada perkataan ‘labuihan’ yang bermaksud berhenti atau singgah kapal, perahu, atau menurunkan sauh kapal, dan lain-lain. Pelabuhan tempat kapal berlabuh dan pelabuhan yang menjadi pusat perdagangan untuk eksport, import, pengumpulan dan pengagihan barang-barang menunjukkan ketiadaan vokal rangkap akibat daripada pengguguran konsonan /h/ dan menjadilkan Labuan. Manakala bagi bab 17 iaitu bab terakhir yang menceritakan etimologi nama negeri di Malaysia ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Asal usul nama Putrajaya diambil bersempena dengan nama Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Perkataan “Putra” membawa maksud anak raja yang laki-laki (bagi sebutan untuk tujuan menghormati). Manakala perkataan “jaya” bermaksud kemenangan, kecemerlangan, dan menuju ke puncak. Gabungan kedua-dua perkataan iaitu “putra” dan “jaya” akan membentuk Putrajaya iaitu wilayah yang memperlihatkan kecemerlangan dari sudut yang pelbagai, iaitu sebagai bandar perdana yang intelek di tengah-tengah Koridor Multimedia yang dibangunkan oleh anak bangsa Malaysia dengan bercirikan budaya tempatan.

Sejarah merupakan ilmu yang sentiasa berkembang selagi mana manusia itu masih ada di muka bumi ini. Buku ini memiliki banyak keunikan sejarah dan ceritera yang boleh diambil manfaat oleh pembaca umum. Antaranya ialah para pembaca dapat mengetahui dan memahami asal-usul setiap negeri di Malaysia dan ceritera-ceritera rakyat. Buku yang berkaitan dengan nama asal-usul negeri-negeri dan nama tempat di Malaysia perlu banyak diterbitkan bagi menjadikan

sejarah tidak luput di telan zaman. Sejarah, pengertian, makna dan kaitannya dengan peristiwa dan lokasi akan menjadi nama kepada sesebuah keadaan. Pemberian nama tempat adalah hasil pengamatan manusia dahulu atas kelakuan alam. Nenek moyang kita memberikan nama kepada sesebuah negeri disebabkan berlakunya peristiwa, dan hal itu merupakan salah satu cara berkomunikasi dalam kalangan manusia pada masa silam untuk menyampaikan pesanan kepada kita sebagai anak zaman.

Antara penambahbaikan yang boleh ditingkatkan dalam buku ini iaitu, pada bab 12 berkenaan nama negeri Selangor. Terdapat tajuk berkaitan ulasan negeri Selangor, namun pada isi penceritaan dalaman buku tidak terdapat penceritaan atau penghuraian pada bahagian tersebut. Penghuraian berkenaan negeri Selangor hanya diulas pada bahagian pendahuluan iaitu muka surat xxi. Keadaan yang hampir sama turut berlaku pada bab 11 di bawah tajuk Nama Negeri Sarawak iaitu pada muka surat 108, iaitu tidak terdapat huraian yang penuh berkenaan dengan negeri Sarawak. Selain itu, muka surat 90 terus bersambung kepada muka surat 107. Huraian yang terdapat dalam bab 11 bercampur antara huraian negeri Sarawak dan huraian Negeri Sembilan. Manakala pada muka surat 108 di bawah tajuk Kuala Lumpur, terdapat sedikit penjelasan berkaitan Negeri Sembilan yang sepatutnya diletakkan di bawah tajuk Negeri Sembilan itu sendiri tetapi diletakkan pada tajuk yang lain. Selain itu, buku ini juga tidak memiliki rujukan yang menjadi kekuatan penting maklumat-maklumat yang terdapat di dalam sesebuah buku. Dapat dirumuskan di sini, terdapat beberapa kesilapan besar yang boleh ditambahbaik iaitu berkenaan dengan isi penulisan dan teknikal yang tidak tersusun. Semoga penerbitan buku ini menjadi sajian yang baik kepada pelajar khususnya dan kepada masyarakat secara umum.

**Riduan Makhtar**

Jabatan Pengajian dan Ketamadunan (JKPK),  
Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.